



19 OCT, 2020

## Dijangka menjerus kepada pemulihan ekonomi menyeluruh

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

## Dijangka menjerus kepada pemulihan ekonomi menyeluruh

**KUALA LUMPUR:** Belanjawan 2021 yang dijadual dibentangkan di Parlimen pada 6 November ini dijangka lebih menjerus kepada pelan pemulihan ekonomi secara keseluruhan selepas menerima kesan negatif daripada pandemik Covid-19.

Ketua Jabatan Penasihat dan Penyelidik Exim Bank, Zabedah Giv berkata, kestabilan ekonomi menjadi keutamaan bagi semua pihak dalam memacu hala tuju masa depan pembangunan negara ke arah kemampanan.

"la perlu mengambil kira program pembangunan masa hadapan untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih mantap, lebih berlandaskan teknologi dan yang

dapat mengurangkan risiko atau memberi impak kepada pendapatan sekiranya keadaan seperti ini (Covid-19) terjadi lagi.

"Pada masa sama, kemampanan aktiviti ekonomi juga mengambil kira inisiatif kerajaan sebelum ini, yang telah mewujudkan (program) ekonomi digital dan Industry4ward (Industri 4.0)," katanya semasa menjadi tetamu menerusi Skype bagi program Ruang Bicara yang disiarkan Bernama TV pada Jumaat.

Ruang Bicara yang dihoskan Sherkawi Jirim itu membincangkan tajuk 'Bajet 2021 Dalam Situasi Politik dan Ekonomi Semasa'.

Zabedah berkata, komuniti perniagaan

dan ekonomi itu sendiri juga perlu mempunyai model ekonomi yang jelas apabila menerima guna teknologi dalam rantaian bekalan perniagaan mereka seperti penggunaan kecerdasan buatan.

"Aspirasi ekonomi itu sendiri perlu menjerus ke arah kecemerlangan dengan ia perlu disokong menerusi penerusan dasar pendidikan sedia ada.

"Inovasi boleh berlaku secara lebih meluas dengan aplikasi teknologi, dan juga mengambil kira kualiti lepasan pengajian tinggi sekarang dan masa akan datang," katanya.

Beliau berkata, Malaysia juga mengamalkan ekonomi perdagangan, yang perlu

disokong dengan kapasiti pembuatan dan pengeluaran yang mencukupi dan inovatif untuk melonjakkan Malaysia ke tahap kematangan perindustrian.

"Penekanan sebelum ini bagi penggunaan Industry4ward dan pendigitalan memberi peluang untuk menerima guna contohnya pembuatan bernilai tambah tinggi ke tahap yang lebih tinggi.

"Di sini saya nampak ia lebih menjerus kepada pencapaian Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk menaik taraf perniagaan mereka. Ia penting kerana PKS adalah lapisan perniagaan yang boleh diukur untuk menjadi juara global daripada juara tempatan," katanya. - Bernama



19 OCT, 2020

## Dijangka menjerus kepada pemulihan ekonomi menyeluruh

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Belanjawan 2021 yang dijadual dibentangkan di Parlimen pada 6 November ini dijangka lebih menjerus kepada pelan pemulihan ekonomi secara keseluruhan selepas menerima kesan negatif daripada pandemik Covid-19. Ketua Jabatan Penasihat dan Penyelidik Exim Bank, Zabedah Giw berkata, kestabilan ekonomi menjadi keutamaan bagi semua pihak dalam memacu hala tuju masa depan pembangunan negara ke arah kemampanan.